Sedia khidmat terbaik lancarkan Pemilu

Kuala Lumpur: Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) memberi jaminan akan menyediakan perkhidmatan terbaik demi kelancaran proses Pemilihan Umum Indonesia (Pemilu) 2024.

Pengarah Urusan Kumpulan WTCKL, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim berkata, ini bukan kali pertama acara besar diadakan di bangunan itu kerana sebelum ini turut menerima jumlah pengunjung yang besar ketika menjadi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick).

Katanya, bagi kelancaran proses pengundian itu, pihaknya sudah membuat persiapan sejak seminggu lalu selepas bermesyuarat dengan pihak kedutaan hampir dua bulan.

"Persiapan ini turut meliputi kakitangan WTCKL hampir 300 orang, dibantu agensi kerajaan lain termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Saya memberi jaminan keamanan, kestabilan dan kebersihan WTCKL akan terjaga. Selain itu kita juga akan memastikan sistem pengudaraan dititikberatkan demi keselesaan pengundi.

"Ini juga hari bersejarah bagi WTCKL kerana dipilih menjadi lokasi utama Pemilu 2024. Sudah tentu sekretariat utama dari Jakarta akan turut serta dan kita akan memastikan setiap kelemahan dapat diatasi.

"WTCKL bukan sahaja dipilih sebagai lokasi pengundian utama tetapi turut menjadi tempat pengiraan dan penjumlahan undi pada 14 Februari nanti," katanya di sini, semalam.

SEBAHAGIAN rakyat Indonesia hadir untuk melaksanakan undi awal di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL). - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN